

Anak gajah mati kena langgar

B/HARIAN 7/10/19

MS 69

Kota Tinggi: Seekor anak gajah jantan berusia enam tahun ditemui mati dipercayai dilanggar di Batu 13, Jalan Kota Tinggi-Mersing di sini, semalam.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Johor, Salman Saaban, berkata siasatan awal mendapati anak gajah itu dilanggar kereta pada jam 8 malam, Jumaat lalu.

Katanya, anggota PERHILITAN yang dikejarkan ke lokasi mengesyaki anak gajah itu mati akibat kecederaan selepas dilanggar.

"Ini kerana jarak anak gajah itu ditemui mati kira-kira 50 meter dari lokasi haiwan itu dilanggar.

"Berdasarkan siasatan di lapangan, badan anak gajah itu mempunyai kesan kecederaan dilang-



Bangkai anak gajah yang mati dilanggar di Batu 13, Jalan Kota Tinggi-Mersing.

gar dan dianggarkan mati semalam (kelmarin) berdasarkan bangkai yang mulai kembung dan berbau," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Salman berkata, pihaknya percaya anak gajah ini dari Kumpulan Gajah Panti yang dianggarkan berjumlah antara 30 hingga 40 ekor dan sering bergerak melintasi Jalan Kota Tinggi-Mersing terutama pada waktu malam.

"Mengikut rekod jabatan, lima kes kemalangan membabitkan gajah dengan satu kematian berlaku pada tahun lalu di Jalan Kota Tinggi-Mersing," katanya.

PERHILITAN Johor memasang 10 papan tanda di tempat yang sering dilalui kumpulan gajah melintas.